

BUKU KUMPULAN DRAMA: SETANGGI PIATU oleh Norhisham Mustaffa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2015. Halaman 272. ISBN: 978-983-461-662-5.

Buku yang berjudul *Kumpulan Drama Setanggi Piatu* menggabungkan dua buah drama radio bersiri, iaitu *Setanggi Piatu dan Aksara Menggamit*. Persamaan kedua-dua drama ini timbul kerana membawakan persoalan utama iaitu permasalahan yang dihadapi oleh umat Islam berkaitan dengan perebutan harta pusaka, perebutan kasih sayang dan cinta dalam keluarga.

Setelah diteliti, *Setanggi Piatu* mengisahkan perebutan harta, ketamakan, salah faham dan teka-teki, manakala *Aksara Menggamit* pula mengungkapkan kegigihan seorang pemuda melakukan kajian dan transliterasi teks Hikayat Nabi-nabi. Teks ini dipilih untuk dibuat ulasan kerana berjaya menonjolkan kekuatan jalan cerita drama radio bersiri menjadi bentuk teks bercetak dan kandungannya memberi fokus semasa yang sedang berlaku kepada masyarakat pada hari ini. Malah, pengarangnya dengan olahan bahasa yang baik dan mudah telah menghasilkan drama-drama radio yang berorientasikan keislaman yang sangat menarik dan sarat dengan nilai kemanusiaan.

Tambahan pula, didapati teks ini dihasilkan daripada pemerhatian dan pengalaman penulisnya yang berjaya mengungkapkan masalah dan kejadian sebenar berlaku dalam kehidupan manusia, yang dilingkari perasaan pelbagai rasa dan berpandukan kebenaran Islam ajaran Allah kepada umatNya di muka bumi ini. Tidak dinafikan, membaca skrip drama yang dibukukan menjadi perbezaan ketara dan janggal kerana tidak seperti teks biasa. Tetapi, jalan cerita yang mantap, penuh dengan hikmah atau pengajaran dalam teks ini, melayakkan teks ini sesuai untuk dibaca oleh masyarakat. Malah, ada segelintir dalam masyarakat yang menanti dan meminati karya-karya seperti ini.

Justeru, kemunculan teks seumpama ini dapat menambah pelbagai genre bahan bacaan umum kepada masyarakat. Ia bukan sahaja bertujuan sekadar untuk berkarya, tetapi mampu mencanai akal dan mencambah adab mulia dalam penulisan untuk disemai dan diamalkan oleh pembaca dari pelbagai lapisan umur dalam masyarakat.

Sinopsis Drama *Setanggi Piatu*

Secara ringkas, *Setanggi Piatu* mengisahkan ketamakan Zamri untuk membolot harta pusaka peninggalan bapa saudaranya, Haji Toha. Zamri berasakan dirinya layak dan berhak memiliki sebahagian besar harta-harta itu sekaligus menafikan hak Nadia yang dikatakan anak angkat kepada Haji Toha dan isterinya arwah Hajah Saodah. Tindak-tanduk Zamri yang gila harta itu bukan sahaja tidak disenangi oleh bapa saudara isterinya yang merupakan imam surau, bernama Haji Yahya bahkan juga isterinya sendiri, Salwa amat rapat hubungannya dengan Nadia.

Zamri juga bukanlah satu-satunya anak saudara Haji Toha, kerana ada lagi sepupu-sepupunya yang sama-sama ada hak iaitu Rijaludin dan Khairil. Namun, mereka berdua sudah lama berpindah dan tidak tinggal di kampung itu. Apabila Nadia diusir oleh Zamri daripada tinggal di rumah pusaka itu, muncul seorang anak muda bernama Razi. Beliau adalah cucu kepada Haji Toha yang datang ke kampung itu setelah mendapat berita kematian Haji Toha yang dibuat oleh ahli jawatankuasa surau, menerusi hebahan di ruangan akhbar. Bapa Razi bernama Muhammad Zaid (telah meninggal dunia) merupakan anak kandung Haji Toha dengan perkahwinannya yang terdahulu. Jelaslah Razi kini menjadi pewaris mutlak terhadap harta-harta peninggalan Haji Toha.

Kehadiran Razi tepat pada masanya, ketika Zamri telah mengupahkan orang dan tukang agar meruntuhkan rumah Haji Toha. Selain dapat menyelamatkan rumah agama yang berukir daripada kayu cengal itu, Razi dapat mengelakkan Nadia daripada dianiaya oleh Zamri sekalipun Nadia adalah anak susuan Hajah Saodah. Sungguhpun Hajah Saodah tidak mempunyai zuriat, namun dia telah berubat dengan doktor dan bomoh sehingga tubuhnya mengeluarkan susu badan untuk disusui Nadia semasa bayinya. Dengan demikian, masalah muhrim tidak timbul dalam keluarga itu, walaupun Nadia adalah anak angkat Haji Toha. Pada akhir cerita, Zamri yang terpengaruh dengan ajaran sesat telah kembali ke pangkal jalan, dan menjadi insaf atas kezalimannya terhadap Nadia.

Rumusan cerita ini, kekayaan dan kemewahan di dunia menjadi rebutan dalam kalangan adik-beradik dan saudara, sehingga mencetuskan konflik sesama mereka. Akhirnya, perdamaian berlaku dan kembli ke pangkal jalan yang sebenarnya.

Sinopsis Drama *Aksara Menggamit*

Dalam drama *Aksara Menggamit* pula, dimulakan dengan memperkenalkan seorang pemuda bernama Izdi yang mendatangi Haji Tantawi di sebuah desa dengan membawa satu hasrat. Beliau ialah pelajar calon Ph.D dalam bidang ilmu Islam di sebuah universiti. Izdi diutuskan oleh gurunya, Haji Jailani untuk menemui sahabat lamanya Haji Tantawi yang mesra dengan panggilan Pak Tua untuk mendapatkan sebuah kitab lama bertulisan tangan yang pernah mereka berdua tulis bersama-sama semasa berguru dengan Syeikh Ahmad Fakeh al-Bustami 40 tahun yang lampau. Kitab itu berjudul *Hikayat Nabi-nabi*. Kitab dalam langgam bahasa Melayu lama, mahu disalin semula oleh Izdi untuk dimanfaatkan kepada umum. Malangnya, kitab itu didapati hilang dalam simpanan. Anak perempuan Haji Tawi, Aisyah percaya kitab itu telah diambil tanpa pengetahuannya oleh bekas suaminya sendiri, Ustaz Hasbul. Apabila kitab itu dikembalikan oleh 'seseorang', Izdi pun memulakan kerja-kerja menyalin kitab itu dalam dua tulisan, iaitu jawi dan rumi yang lengkap dengan hiasan.

Keadaan ini menyebabkan Ustaz Hasbul menaruh sangka tidak baik terhadap Izdi dan menzahirkan rasa cemburu kerana sebenarnya dia menyesali penceraian mereka. Hasbul menyatakan hasratnya untuk kembali bersatu, namun Aisyah yang lama menderita diceraikan berasa serik dan menolak permintaan Hasbul. Sementara Izdi pula menetapkan tempoh kira-kira lima atau enam minggu untuk menyalin semula *Hikayat Nabi-nabi* itu dengan menumpang di rumah wakaf Haji Tawi yang tidak jauh dari situ. Dia berhasrat menyiapkan sebelum hari terakhir bulan Ramadhan kerana pada hari itu beliau akan pulang berhari raya di kampung asalnya. Untuk melaksanakan tugas menyalin khat jawi dan membuat hiasan tepi setiap halaman kitab itu, Izdi turut dibantu oleh seorang gadis bernama Fatimah, namun kemudian dihalang oleh bapanya Ustaz Akil yang menyerlahkan watak antagonis.

Pelbagai halangan terpaksa ditempuhi Izdi, dan kemuncaknya rumah wakaf tempat dia menginap telah dibakar oleh orang suruhan Ustaz Akil. Ustaz Akil merupakan abang sepupu dan pernah memelihara Ustaz Hasbul semasa kecil selepas kematian kedua-dua ibu bapanya. Menjelang beberapa hari sebelum Syawal, ketika Izdi hampir-hampir putus asa untuk menyiapkan kerja penyalinan itu, akhirnya dia mendapat bantuan Ustaz Hasbul, Aisyah, Fatimah dan Haji Tawi sendiri. Dalam pada itu, pengarang telah menjernihkan konflik yang berlaku antara Ustaz Akil dan Haji Tawi, juga konflik cinta antara Aiyah, Izdi dan Ustaz Hasbul. Cerita berakhir dengan Aisyah bersetuju menerima semula Ustaz Hasbul sebagai suami walaupun dia tahu Izdi turut menaruh hati kepadanya. Ketika itu muncul Ustaz Akil yang sudah insaf akan kesilapannya lalu, tanpa malu-malu 'merisik' Izdi untuk dijadikan

menantu. Ustaz Akil mahu menjodohkan Izdi dengan Fatihah. Hal ini kerana, Ustaz Akil telah melihat kemuliaan hati dan peribadi anak muda ini, apatah lagi setelah dia mengetahui bahawa anak gadisnya itu menyimpan hati kepada Izdi.

Rumusan cerita ini, perjuangan dan pengorbanan menjalankan kerja-kerja mulia, tidak selalu mendapat sokongan padu daripada orang lain kerana kebiasaannya akan menerima halangan dan tentangan dalam pelbagai cara dan bentuk. Setelah mendapat berita yang sebenarnya, segalanya kembali jernih dan baik, serta bersatu melakukan kerja-kerja murni untuk agama, dan bangsa.

Keistimewaan

Kebiasaannya, teks yang berdasarkan tentang cinta, kemewahan, kesibukan kerja menjadi perbezaan yang sangat ketara bagi teks ini. Hal ini kerana karya tentang dua drama yang dibukukan ini menarik perhatian kerana tajuk yang unik dan boleh ditafsirkan oleh pembaca dengan pelbagai pandangan. Malahan pengarangnya iaitu Norhisham Mustaffa, anak kelahiran Kelantan ini terlalu menyayangi dunia penulisan dan beliau menolak tawaran sebagai editor kerana tidak mahu rutin penulisan kreatifnya terganggu. Beliau berpengalaman luas sebagai penulis sejak berdekad lamanya, bukan setakat memiliki kekuatan dalam genre cerpen dan novel, malah turut menonjol melalui puisi, esei serta drama radio. Pengarang yang serba boleh ini telah meninggal dunia pada November 2018.

‘Buah tangan’ yang dihasilkan oleh pengarang ini menjadi iktibar kepada semua pembaca yang dapat menelaah teks ini dengan bijak, bukannya ‘terasa sentap’ kerana terasa seperti disindir atau dicemuh melalui dalam teks ini. Realitinya, novel drama ini memaparkan perkara yang benar-benar berlaku dalam kehidupan manusia yang penuh pancaroba ini. Jadi, penonjolan teks ini dalam bentuk skrip drama yang dibukukan juga menjadi kekuatan dan dapat dilakukan oleh sesiapa sahaja yang ingin mengangkat naskhah ini sebagai pementasan atau persembahan kepada umum.

Tidak ketinggalan juga, teks ini penuh ‘warna-warni’ perasaan sebagai manusia normal seperti inginkan kesenangan, kasih sayang, rasa dicintai dan mencintai, penuh harapan, iri hati, marah, maaaf dan memaafkan dan banyak lagi. Situasi dalam teks ini dengan jelas semua perasaan ini disatukan dan bergabung dalam watak perwatakan setiap watak dalam karya ini, sehingga berjaya menghasilkan jalan cerita yang padu untuk dibaca oleh masyarakat. Realitinya, bukan semua manusia menerima nasib hidup yang sama, kerana takdir dan rezeki berbeza-beza ditentukan oleh Tuhan. Tetapi, perlu diingat rezeki dan kejayaan boleh diraih setelah seseorang itu sanggup berusaha dan mengubah nasib ke arah kebaikan, pastinya dapat hidup dengan lebih baik dan berkualiti.

Memahami, ‘air dicincang, tak akan putus’ dan benar-benar berlaku dan diterjemahkan dalam teks ini dengan sebaiknya kerana watak-watak yang mempunyai ikatan persaudaraan seperti pak cik, anak buah, sepupu, yang dilakukan mempunyai konflik dalaman dan secara langsung, sesama mereka dan akhirnya berdamai sebagai babak-babak akhir cerita. Hal yang dipandang serius dalam teks ini, jelas menunjukkan bahawa sebagai manusia yang hidup berkeluarga, ada saudara-mara, hendaklah disulam dengan dengan rasa dan tindakan yang rasional, hormat-menghormati sesama kita semua. Keunikan teks ini jelas membuktikan ikatan kekeluargaan hendaklah dijaga sepanjang hayat kerana merekalah yang akan membantu pada waktu susah dan senang dalam melalui pelbagai fasa hidup selagi ada hayat.

Nilai murni

Naskhah ini sarat dengan nilai-nilai murni yang dapat dibaca, diteliti dan diamalkan oleh masyarakat, khususnya generasi muda. Hal ini kerana nilai-nilai murni sebagai seorang manusia di dunia dapat dikesan dalam teks ini.

Sikap menuntut ilmu, sebagai usaha sepanjang hayat jelas didapati dalam teks ini kerana kedua-dua ceritanya memberi fokus kepada usaha, perjuangan dan keberkatan dalam proses menuntut ilmu dunia dan ilmu akhirat. Justeru, ia sesuai dibaca oleh generasi muda, supaya dapat mencontohi watak-watak dalam cerita ini yang gigih untuk belajar. Mengeratkan kasih sayang juga menjadi nilai murni yang paling unggul dalam teks ini. Pemaparan babak-babak mencintai, rasa cinta, dan kembali bersatu, sangat kukuh diungkapkan dalam cerita yang 'berjiwa manusia' ini. Watak-watak seperti Ustaz Hasbul, Aisyah, Izdi dan Fatiha mendukung peranan ini, sehingga berjaya membuai perasaan pembaca dalam teks ini. Dalam teks ini juga, sikap tolong-menolong juga hendaklah diamalkan oleh masyarakat kerana terserlah dengan adanya sifat murni ini dapat menyelesaikan kerja-kerja yang sukar menjadi siap, mudah dibuat dan berjaya dilakukan walaupun banyak halangan.

Menurut Ismail Sualman (2019), nilai murni boleh memartabatkan masyarakat untuk menjadi masyarakat kelas pertama yang berteraskan prinsip yang mulia sama ada dalam agama, komuniti bangsa dan negara. Masyarakat yang mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan harian mereka adalah masyarakat yang bertamadun. Sekiranya seseorang individu itu diterapkan dengan nilai murni seperti hormat-menghormati, jujur dan amanah, secara tidak langsung akhlak yang mulia dapat dibentuk. Secara peribadi, lebih banyak lagi perlu dilakukan untuk menyemai nilai-nilai murni ini dalam kalangan rakyat Malaysia terutamanya generasi muda.

Pembacaan dan penelitian terhadap teks ini secara hakikinya, memberi kesedaran diri hidup secara peribadi dan bermasyarakat untuk menghadapi dan menyelesaikan masalah-masalah seperti perebutan harta, ketamakan, salah faham, teka teki dan usaha yang tidak disokong oleh orang lain. Ternyata, *Kumpulan Drama: Setinggi Piatu* ini dapat memberi kesedaran kepada pembaca atau masyarakat untuk bertindak ke arah Islam. Jadi, tidak mustahillah, teks ini turut diminati oleh orang ramai kerana jalan ceritanya benar-benar dalam masyarakat.

Kamarlin Ombi

PhD, Jabatan Bahasa Melayu

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia